

**NO SOALAN :51**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
(KOTA KINABALU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23.10.2017**

**Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [ KOTA KINABALU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah peruntukan Kerajaan Persekutuan dalam pengurusan dan pembangunan di Sabah dan berapakah yang telah dibelanjakan dalam 10 tahun ini (2006-2016).

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan di Negeri Sabah dari tahun 2006 sehingga 2016 adalah sebanyak RM120.5 bilion dimana RM84.7 bilion bagi Perbelanjaan Mengurus (perbelanjaan bagi agensi-agensi Kerajaan yang melaksanakan program/aktiviti di Sabah) dan RM35.8 bilion bagi Perbelanjaan Pembangunan (perbelanjaan bagi projek-projek yang dilaksanakan di Sabah).